

# Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)

## Nota TATABAHASA DALAM KOMUNIKASI TULISAN



Pusat Komunikasi dan Pembangunan Latihan (KOMUNIKASI)  
Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)  
Kampus Utama Jalan Bukit Kiara, 50480 Kuala Lumpur  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

# *Aspek Tatabahasa Dalam Komunikasi Tulisan*

## *Kandungan*

---

1.0	<i>Pengenalan</i>	1
2.0	<i>Penggunaan Kata Dalam Penulisan Dokumen</i>	2
2.1	<i>Kata Jamak</i>	2
2.2	<i>Kata Sendi</i>	3
2.3	<i>Kata Ganti</i>	6
2.4	<i>Kata Pemerि</i>	7
3.0	<i>Penggunaan Imbuhan Dalam Penulisan</i>	8
3.1	<i>Penggunaan Imbuhan</i>	8
3.2	<i>Awalan</i>	9
3.3	<i>Akhiran</i>	10
3.4	<i>Apitan</i>	10
4.0	<i>Pembinaan Ayat</i>	11
4.1	<i>Partikal</i>	11
4.2	<i>Kata Penguat</i>	12

Tajuk: **Kursus Penulisan Berkualiti**

Anjuran: **INTAN – Pusat Komunikasi dan Pembangunan Latihan  
(Komunikasi) Kampus Utama Jalan Bukit Kiara, Kuala Lumpur**

---

## **ASPEK TATABAHASA DALAM KOMUNIKASI TULISAN**

### **1. 0 PENGENALAN**

#### **1.1 Kepentingan Tatabahasa dalam Komunikasi Tulisan**

- a) Berkomunikasi dengan lancar dan berkesan.
- b) Menyampaikan maklumat dengan tepat.
- c) Mengelakkan kekeliruan.
- d) Menampilkkan imej pegawai yang cekap.
- e) Menampilkkan imej institusi yang berwibawa.

#### **1.2 Kesalahan Umum Tatabahasa**

- a) Aspek-aspek tatabahasa yang sering menimbulkan masalah:
  - (i) Penggunaan kata.
  - (ii) Penggunaan imbuhan.
  - (iii) Pembinaan ayat (sintaksis).

## 2.0 PENGGUNAAN KATA DALAM PENULISAN DOKUMEN

Aspek yang sering menimbulkan masalah:

- (i) Penggunaan kata jamak.
- (ii) Penggunaan kata sendi.
- (iii) Penggunaan kata ganti.
- (iv) Penggunaan kata pemeri.

### 2.1 Penggunaan Kata Jamak

- a) Kesalahan penggunaan kata jamak yang berbentuk **kata bilangan tentu** iaitu dua, tiga puluh, tiga ratus dan seumpamanya.

Contoh:

**Salah:** *sepuluh buah cawangan-cawangan*

**Betul:** *sepuluh buah cawangan*

- b) Kesalahan penggunaan kata jamak yang berbentuk **kata bilangan tak tentu** iaitu semua, segala, seluruh, beberapa, para, banyak, ramai, berbagai-bagai, pelbagai, sedikit dan seumpamanya.

Contoh:

**Salah:** *berbagai kesalahan*

\* **Betul:** *berbagai-bagai kesalahan atau pelbagai kesalahan*

- c) Kesalahan penggunaan kata jamak yang berbentuk **kata perpisahan**, iaitu tiap-tiap, masing-masing, setiap, dan seumpamanya.

Contoh:

**Salah:** *tiap-tiap borang-borang*

**Betul:** *tiap-tiap borang*

- d) Kesalahan penggunaan kata jamak yang berbentuk **kata bilangan himpunan** iaitu kedua-dua, berabad-abad, beratus-ratus, dan seumpamanya.

Contoh:

berabad lamanya X

berabad-abad lamanya ✓

Salah: *kedua buah negara*

Di waktu pagi X

Betul: *kedua-dua buah negara*

Pada waktu pagi ✓

- e) Kesalahan penggunaan kata yang sudah mendukung pengertian jamak, iaitu mereka, rakyat, kalangan, kumpulan, barisan, deretan, jemaah, rangkaian, persatuan, senarai dan seumpamanya.

Contoh:

Salah: *mereka-mereka*

borang-borang insurans ✓

Betul: *mereka*

- f) Kesalahan penggunaan kata yang terdiri daripada gabungan dua atau lebih perkataan untuk menunjukkan maksud jamak.

Contoh:

borang-borang insurans ✓

Salah: *kertas kerja-kertas kerja*

borang insurans-borang insi X

Betul: *kertas-kertas kerja*

## 2.2 Penggunaan Kata Sendi

- a) Kesalahan penggunaan kata sendi *di* dan *ke* yang menunjukkan tempat atau arah yang sepatutnya ditulis terpisah dan bukan dicantumkan.

Contoh:

*Tempat & Arah = TERPISAH*

Salah

Betul

*Didalam*

*di dalam*

- b) Kesalahan penggunaan kata sendi nama *antara* yang berfungsi sebagai kata arah dengan frasa sendi *di antara* yang digunakan untuk menunjukkan kedudukan fizikal atau arah.

**Contoh:**

**Salah:** ... *di antara* sektor awam dengan sektor swasta.

**Betul:** ... *antara* sektor awam dengan sektor swasta.

- c) Kesalahan penggunaan kata sendi *di* yang merupakan kata arah untuk menunjukkan **tempat** dan kata sendi *pada* untuk **masa**.

**Contoh:**

**Salah**

*di* masa ini

*di* zaman ini

**Betul**

*pada* masa ini

*pada* zaman ini

- d) Kesalahan penggunaan kata sendi *ke* yang sepatutnya digunakan untuk **tempat, benda dan masa**, dan kata sendi *kepada* yang sepatutnya digunakan untuk **benda bernyawa** dan **benda abstrak**.

**Contoh:**

1. **Salah:** diserahkan *ke* pengurus

**Betul:** diserahkan *kepada* pengurus

2. **Salah:** hingga *kepada* hari ini

**Betul:** hingga *ke* hari ini

- e) Kesalahan penggunaan kata sendi *di* yang sepatutnya diletakkan pada kata sendi *dalam* dan frasa sendi *di dalam* pada kata sendi *dalam*. Kesilapan ini berlaku kerana kekeliruan tentang fungsi kata sendi dan frasa sendi tersebut.

**Contoh:**

1. **Salah:** *di* bidang insurans

**Betul:** *dalam* bidang insurans  
;

2. **Salah:** bergembira *di* suasana hari raya

**Betul:** bergembira *dalam* suasana hari raya

Penggunaan frasa sendi *di dalam* yang betul adalah seperti dalam frasa-frasa yang tersebut:

1. Berkumpul *di dalam* dewan.
2. sesat *di dalam* hutan.

- f) Kesalahan penggunaan kata sendi *dari* yang sepatutnya digunakan untuk **tempat** dan **waktu**, dan kata sendi *daripada* yang sepatutnya digunakan untuk hal-hal yang lebih umum, iaitu **orang**, **perbandingan**, **asal kejadian** dan seumpamanya.

**Contoh:**

1. **Salah:** Encik Tuah datang *daripada* mana?

**Betul:** Encik Tuah datang *dari* mana?

2. **Salah:** Peti itu *dari* kayu.

**Betul:** Peti itu *daripada* kayu.

- g) Kekeliruan dalam penggunaan antara kata sendi nama *antara* dengan frasa sendi *di antara*, yang merupakan gabungan antara kata sendi nama *di* dengan kata arah *antara*.

**Contoh:**

1. **Salah:** Inilah *di antara* hal yang mesti difahami.

**Betul:** Inilah *antara* hal yang mesti difahami.

Frasa sendi *di antara* hanya digunakan untuk menunjukkan kedudukan fizikal atau arah.

**Contoh:**

Lif itu terhenti *di antara* tingkat tiga dengan tingkat empat.

### 2.3 Penggunaan Kata Ganti

- a) Kesalahan penggunaan kata ganti diri ketiga *beliau* yang disamatarafkan dengan kata ganti diri ketiga *ia* dan *dia*.

**Contoh:**

1. **Salah:** *Beliau* penjenayah.

**Betul:** *Dia* penjenayah.

- b) Kesalahan penggunaan kata ganti diri ketiga *ianya* untuk menggantikan *it* bagi maksud *ia* untuk benda dan binatang..

**Contoh:**

**Salah:** *ianya* telah dikenal pasti.

**Betul:** *ia* telah dikenal pasti.

- c) Kesalahan penggunaan kata ganti nama diri orang *ia* yang digunakan untuk maksud benda atau perkara yang dirujuk. Kata ganti yang sepatutnya digunakan ialah *ini* atau *itu*.

Contoh:

**Salah:** Jikalau *ia* berlaku.

**Betul:** Jikalau *ini* berlaku...

## 2.4 Penggunaan Kata Pemeri (memerihalkan)

- a) Kesalahan penggunaan kata *ialah* yang sepatutnya diikuti oleh kata nama atau frasa nama.

Contoh:

1. **Salah:** Beliau *adalah* orang yang pertama...

**Betul:** Beliau *ialah* orang yang pertama...

2. **Salah:** Perkara ini *adalah* satu masalah...

**Betul:** Perkara ini *ialah* satu masalah...

- b) Kesalahan penggunaan kata *adalah* yang sepatutnya diikuti oleh kata sendi.

Contoh:

1. **Salah:** Kursus ini *ialah* untuk menerangkan...

**Betul:** Kursus ini *adalah* untuk menerangkan...

2. **Salah:** Kenyataan itu *ialah* benar

**Betul:** Kenyataan itu *adalah* benar

### 3.0 PENGGUNAAN IMBUHAN DALAM PENULISAN DOKUMEN

Aspek-aspek imbuhan yang sering menimbulkan masalah:

- (i) Pengabaian penggunaan imbuhan
- (ii) Penggunaan awalan
- (iii) Penggunaan akhiran

#### 3.1 Pengabaian Penggunaan Imbuhan

- a) Kesalahan kerana tidak menggunakan awalan *me-* pada kata-kata yang sepatutnya menerima imbuhan tersebut.

**Contoh:**

**Salah:** Syarikat *ambil* tindakan...

**Betul:** Syarikat *mengambil* tindakan...

- b) Kesalahan kerana tidak menggunakan akhiran *-kan* pada kata-kata yang sepatutnya menerima imbuhan tersebut.

**Contoh:**

**Salah:** ... memberi satu minggu notis

**Betul:** ... memberikan satu minggu notis

- c) Kesalahan kerana pengabaian akhiran *-kan* bagi perkataan yang belum sempurna bentuknya. *memajukan dan meningkatkan* ✓

**Contoh:**

1. **Salah:** ... meluas dan meningkatkan...

**Betul:** ... meluaskan dan meningkatkan ... ✓

### 3.2 Penggunaan Awalan

- (a) Kesalahan menggunakan awalan me-, men-, meng- dan menge- yang digunakan sembarangan.

Contoh:

menaudit X pengimport ✓  
mengaudit ✓ pergeseksport ✓  
meneksport X  
mengeksport ✓

**Salah**

Menlaporakan

Mengswastakan

**Betul**

melaporkan

menswastakan

- (b) Kesalahan dari segi morfonem (keselaran bunyi) bagi kata-kata dasar yang menerima awalan me-, pe-, ber- dan ter-

Contoh:

**Salah**

Metafsirkan

Mensahkan

**Betul**

mentafsirkan

mengesahkan

- (c) Kesalahan menggunakan awalan me- dan pe- yang diimbuhkan pada kata pinjaman Inggeris.

Contoh:

**Salah**

Meaudit

Meneksport

**Betul**

mengaudit

mengeksport

### 3.3 Penggunaan Akhiran

- (a) Kesalahan menggunakan akhiran -an dan -kan. Akhiran -an sepatutnya digunakan untuk membentuk kata nama, manakala akhiran -kan digunakan untuk membentukkan kata kerja. **Contoh:**

**Salah**

Penyemakkan

Kritikkan

**Betul**

penyemakan

kritikan

- (b) Kesalahan menggunakan akhiran -kan dan -l untuk membentuk **kata kerja transitif** yang berbeza fungsinya. **Contoh:**

1. **Salah:** ... menghadiahkan saya sebulan bonus. ~~X~~

**Betul:** ... menghadiahi saya sebulan bonus. ✓  
atau

... menghadiah sebulan bonus kepada saya. ✓

2. **Salah:** ... mengirimkan aya~~s~~ surat

**Betul:** ... mengirmi aya~~s~~ surat  
atau ... mengirimkan surat kepada aya~~s~~

### 3.4 Penggunaan Apitan

- (a) Kesalahan menggunakan apitan **memper-...i** yang sebenarnya merupakan bentuk terbitan yang lewah. Apitan **memper....-i** hanya digunakan bagi keperluan menyatakan makna khusus bagi sesuatu perbuatan **kata kerja**.

**Contoh:**

<b>Salah</b>	<b>Betul</b>
Memperolehi	memperoleh
Memperkuasai	menguasai

- (b) Kesalahan menggunakan apitan *diper-...-i* yang sebenarnya merupakan bentuk terbitan yang lewah. Apitan *diper- ... -i* hanya digunakan bagi keperluan mengutamakan makna khusus bagi sesuatu perbuatan **kata kerja**.

**Contoh:**

<b>Salah</b>	<b>Betul</b>
diperolehi	diperoleh
diperkuasai	dikuasai

## 4.0 PEMBINAAN AYAT

**Aspek-aspek bahasa yang menimbulkan masalah dalam pembinaan ayat.**

- (i) Penggunaan partikal dalam ayat
- (ii) Penggunaan kata penguat

### 4.1 Penggunaan Partikal dalam Ayat

Kesalahan penggunaan partikal *a* dan *an* yang diterjemahkan sebagai **satu** atau **se**, iaitu seorang, sebuah dan seumpamanya di dalam ayat bahasa Melayu.

**Contoh:**

<b>Salah</b>	<b>Betul</b>
Saya ialah seorang pengurus	Saya pengurus
Ayah saya seorang polis	Ayah saya polis

#### 4.2 Penggunaan Kata Penguat

Penggunaan kata penguat yang digunakan secara berlebihan. Kata-kata penguat yang dimaksudkan itu ialah terlalu, sangat, amat, sungguh, sekali dan seumpamanya.

**Contoh:**

1. **Salah:** Dia pekerja yang amat rajin sangat.  
**Seharusnya:** Dia pekerja yang amat rajin.  
atau Dia pekerja yang sangat rajin.